

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2020

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 37

RM80 juta bantu atasi hakisan pantai di Terengganu

KUALA TERENGGANU - Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) akan menyalurkan peruntukan tambahan berjumlah RM80 juta bagi mengatasi masalah hakisan pantai di Terengganu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan itu diberikan memandangkan keperluan mendesak untuk menangani masalah berkenaan.

Menurutnya, kementerian sedang meneliti secara terperinci terhadap masalah itu dan akan cuba melaksanakan projek berkenaan pada pertengahan tahun ini.

"Kerajaan negeri telah membentangkannya dalam



Azmin (kiri) dan Ahmad Samsuri beramah mesra dengan seorang peniaga ketika melakukan tinjauan di Pasar Payang semalam.

mesyuarat Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bersama Perdana Menteri, Tun Dr

Mahathir Mohamad pada November lalu kerana masalah hakisan yang semakin serius.

"Kita melihat ia penting untuk disegerakan kerana melibatkan keselamatan penduduk dan pengguna jalan raya sepanjang pantai serta boleh menjejaskan sektor pelancongan negeri.

"Saya sedang teliti permohonan ini dan saya percaya selepas lawatan hari ini (semalam), kita akan cuba mulakan pada pertengahan tahun ini bagi mengelakkan musim tengkujuh pada hujung tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan di Pasar Payang dalam rangka kerja sehari di Terengganu semalam.

Turut serta, Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar.

Azmin berkata, antara kawasan yang mengalami hakisan yang teruk adalah di Pulau Redang, Teluk Lipat (Dungun) dan Teluk Ketapang (Kuala Nerus).

Jelasnya, projek baik pulih hakisan pantai fasa kedua itu dijangka menelan kos RM80 juta.

"Fasa pertama sebelum ini melibatkan peruntukan RM64 juta membabitkan empat tanjung tinggi buatan dan kita lihat keperluan untuk menyegerakan pembangunan fasa kedua.

"Walaupun projek ini tidak boleh disiapkan dalam tempoh setahun, tapi sekurang-kurangnya kerja awal dapat dimulakan sebelum musim tengkujuh," katanya.